

IQRA'

Bil. 2/2022

FEBRUARI

eISBN : 2735-1920



Bengkel Kajian Semula Perancangan Strategik

PTAR Shah Alam - muka 5



Taklimat Perkhidmatan Perpustakaan Digital Bersama Koordinator Program Francais

PTAR Shah Alam - muka 10



Majlis Apresiasi Staf PTAR UiTM Cawangan Selangor

PTAR Puncak Alam - muka 11



Program CSR Perpustakaan Cendekiawan UiTMCT Kampus K. Terengganu Di SMK Sultan Omar, Dungun

PTAR Dungun - muka 18



Kunjungan Hormat Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) 2021/2022 Ke PTAR Kampus Seri Iskandar

PTAR Seri Iskandar - muka 21

PROMOSI@PTAR



**LAWATAN PEMERIKSA LUAR BAGI TUJUAN PENGIKTIRAFAN
PROGRAM DIPLOMA KEJURUTERAAN ELEKTRIK KE PTAR UiTM CPP
16 FEBRUARI 2022**

Disediakan oleh: Rafidah Muhamad Sam



Pada 16 Februari 2022, PTAR UiTM CPP telah menerima kehadiran Prof. Dr. Badri Abu Bakar dari UniKL sebagai pemeriksa luar bagi tujuan pengiktirafan Program Diploma Kejuruteraan Elektrik (Elektronik) CEEE111 dan Diploma Kejuruteraan Elektrik (Kuasa) CEEE112. Beliau telah diiringi oleh beberapa orang wakil daripada Kolej Kejuruteraan Elektrik UiTM Cawangan Pulau Pinang.

Sepanjang hampir 45 minit lawatan oleh Prof. Dr. Badri Abu Bakar, beliau telah dibawa melawat sekitar PTAR untuk melihat sendiri perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan oleh PTAR kepada pengguna. Taklimat ringkas mengenai PTAR telah disampaikan oleh Encik Nurulizwan Amir, Pustakawan Kanan PTAR UiTM CPP dan diiringi oleh Puan Hayati Mokhtaram, Timbalan Ketua Pustakawan dan Cik Nor Azilawati Mohamad Azmi, Pustakawan Kanan dari Unit Perkhidmatan Pelanggan sepanjang lawatan berlangsung. Profesor Dr. Badri Abu Bakar turut berkongsi pandangan tentang cabaran perpustakaan masa kini dan kerelevanan bahan-bahan di perpustakaan untuk kegunaan pengguna.

Sebelum berangkat meneruskan lawatan ke Bahagian Hal Ehwal Akademik, Profesor Dr. Badri sempat menandatangani buku pelawat PTAR UiTM CPP dan bergambar kenang-kenangan bersama Timbalan Ketua Pustakawan dan wakil-wakil yang lain.

